

**SEKAPUR SIREH:**

Unit Perundingan Universiti Malaya, atau singkatannya - UPUM mula beroperasi dalam bulan Jun 1992. Sehingga kini, banyak pengalaman dan kepakaran-kepakaran perundingan yang telah dapat ditingkatkan. Untuk tahun 2008 ini, UPUM bercadang untuk meningkatkan promosi dengan menggalakkan lebih ramai staf UM terlibat dalam kerja-kerja perundingan, terutama staf muda. Fokus utama akan diberikan kepada bidang-bidang baru seperti Muamalah secara Islam, Perubatan di samping memperkuuhkan bidang-bidang tradisi di UPUM seperti Kejuruteraan, Alam Sekitar dan Sains Sosial. Staf yang berminat diminta menghubungi UPUM melalui alamat email di bawah.

**PERKEMBANGAN TERKINI:****BENGKEL PEMBANGUNAN PROFESIONAL BERTERUSAN (CPD)**

UPUM telah menambahkan penglibatan dalam aktiviti yang berkaitan dengan Bengkel Pembangunan Profesional Berterusan (CPD) bagi jurutera-jurutera di Malaysia. Bengkel ini adalah berkala serta berjangka pendek.

Penglibatan UPUM dalam melaksanakan bengkel profesional adalah dilihat sebagai satu langkah baru kepada UPUM dalam

mengembangkan khidmat pakar yang terdapat di UM di samping sebagai serampang dua mata bagi mempromosikan UPUM sebagai unit yang bertanggungjawab menguruskan kerja perundingan.

Hasil dari laporan penilaian Lembaga Jurutera Malaysia (LJM), maka LJM telah meluluskan bengkel profesional berikut iaitu:

1. Motion Control System
2. Rock Engineering
3. Research for Beginners (in
4. CNC – Parts Programming and Rubber Machining
5. Orgometallic Chemistry in Rubber Industry
6. Structural Inspection and Appraisal for Non-Structural Engineers

*Engineering & Science)*

Sebarang urusan dan pertanyaan boleh diajukan melalui e-mail [upum\\_cpd@um.edu.my](mailto:upum_cpd@um.edu.my)

**ISU SEMASA :****SESI PROMOSI**

UPUM telah mengadakan "Road Show" bagi menerangkan dengan lebih terperinci aktiviti dan peranan UPUM sebagai Unit yang bertanggungjawab dalam melaksanakan khidmat perundingan di Akademi Pengajian Islam pada 27hb Feb 2008 jam 2.15 petang.

Sambutan agak menggalakkan dari segi kehadiran dan pesyarah yang hadir telah banyak mengemukakan persoalan yang selama ini mereka kurang jelas tentang prosedur menjalankan kerja perundingan.

Selepas ini UPUM bercadang akan mengadakan road show di Fakulti Perubatan iaitu pada bulan Mei depan.

**MAKLUMAN PROJEK:****KAJIAN PENCEGAHAN PENCEMARAN DAN PENINGKATAN KUALITI AIR SUNGAI SEPETANG, NEGERI PERAK**

UPUM telah membentangkan Draf Laporan Akhir kajian ini pada 29 Feb 2008 di Taiping untuk Jawatankuasa Teknikal. Kajian ini diketua oleh Prof Dr Wang Chee Woon dari Fakulti Perubatan.

Majlis telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Prof. Dr. Khaw Lake Tee. Projek ini telah dijalankan oleh perunding dari Fakulti Alam bina yang diketuai oleh Ar. Halena Aman Hasim dan Projek ini mengambil masa selama 14 minggu untuk disiapkan.

**MENAIKTARAF BILIK COURT**

Pada 10hb Mac 2008 jam 9.00 pagi telah diadakan majlis penyerahan semula tapak Bilik Court kepada pihak Universiti Malaya.

**MAKLUMAT STAF:****KETUA**

Prof. Madya Ir. Dr. Ismail Othman  
Jabatan Kejuruteraan Awam  
Fakulti Kejuruteraan  
[ismail5353@um.edu.my](mailto:ismail5353@um.edu.my)

**TIMBALAN KETUA**

Prof. Dr. Mohd Zambri Zainuddin  
Jabatan Fizik  
Fakulti Sains  
[mzz1@um.edu.my](mailto:mzz1@um.edu.my)